



31 Januari 2013
31 January 2013
P.U. (A) 27

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (ELAUN BANGUNAN INDUSTRI) (SYARIKAT BERSTATUS *TUN RAZAK EXCHANGE MARQUEE*) 2013

INCOME TAX (INDUSTRIAL BUILDING ALLOWANCE) (TUN RAZAK EXCHANGE MARQUEE STATUS COMPANY) RULES 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (ELAUN BANGUNAN INDUSTRI) (SYARIKAT
BERSTATUS *TUN RAZAK EXCHANGE MARQUEE*) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan perenggan 80 Jadual 3 Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Bangunan Industri) (Syarikat Berstatus *Tun Razak Exchange Marquee*) 2013**.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2014.

Pemakaian

2. Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai berkenaan dengan perbelanjaan bangunan yang layak yang dilakukan oleh syarikat berstatus *Tun Razak Exchange Marquee* bagi maksud perniagaannya seperti yang ditetapkan di dalam Jadual bagi bangunan industri yang dirujuk dalam kaedah 3.

Tafsiran

3. (1) Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“bangunan komersil” ertinya bangunan atau sebahagian daripada bangunan yang terletak di dalam *Tun Razak Exchange* yang digunakan bagi tujuan perniagaan sebagaimana ditetapkan dalam Jadual;

“dilakukan” mempunyai erti yang sama diberikan kepadanya dalam perenggan 55 Jadual 3 Akta;

“dilupuskan” ertinya pelupusan bangunan atau berlaku dalam mana-mana keadaan berikut:

- (a) penjualan, pindah milik atau menyerahkan hak bangunan komersil itu;
- (b) perobohan atau pemusnahan bangunan komersil itu; atau
- (c) apabila bangunan komersil itu terhenti digunakan bagi maksud yang ditetapkan di dalam kaedah 3 Kaedah-Kaedah ini;

“kawalan” mempunyai erti yang sama diberikan kepadanya di bawah seksyen 139 Akta;

“perbelanjaan bangunan yang layak” ertinya perbelanjaan modal yang telah dilakukan oleh syarikat berstatus *Tun Razak Exchange Marquee* dalam pembinaan atau pembelian bangunan komersil;

“syarikat berstatus *Tun Razak Exchange Marquee*” ertinya—

- (a) institusi berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 [Akta 372] yang menjalankan perniagaan bank atau perniagaan bank saudagar atau syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama;
- (b) syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 [Akta 553] yang menjalankan perniagaan insurans atau syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama;
- (c) syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 [Akta 276] yang menjalankan perniagaan perbankan Islam atau syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama;
- (d) syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984 [Akta 312] yang menjalankan perniagaan takaful atau syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama;

- (e) syarikat yang merupakan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671];
- (f) seorang, selain daripada individu, yang merupakan orang berdaftar di bawah seksyen 76 atau 76A Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan

diluluskan oleh Menteri;

(2) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama ertinya—

- (a) seorang yang mempunyai kawalan terhadap institusi berlesen atau syarikat yang dirujuk dalam subperenggan (1)(a), (b), (c) dan (d);
- (b) seorang yang dikawal oleh institusi berlesen atau syarikat yang dirujuk dalam subperenggan (1)(a), (b), (c) dan (d); atau
- (c) seorang dan institusi berlesen atau syarikat yang dirujuk dalam subperenggan (1)(a), (b), (c) dan (d) yang kedua-duanya dikawal oleh orang lain.

Tun Razak Exchange

4. *Tun Razak Exchange* ertinya kawasan yang dirujuk dalam pelan pembangunan diluluskan bagi *Tun Razak Exchange* atas sebahagian Lot 1164, Lot 1207, Lot 1209, Lot 1210, Lot 1217, PT 122 Seksyen 62, Lot 205 – lot 208, sebahagian Lot 209, Lot 733, Lot 956, Lot 1309 – Lot 1311, Lot 1313, Lot 1314, Lot 1393, Lot 1364, PT 86, PT 109 – PT 121, PT 123 Seksyen 67 di Jalan Tun Razak/Jalan Davis, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur termasuk mana-mana pertukaran berikutnya sebagaimana diluluskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Bangunan industri bagi maksud Jadual 3 Akta

5. Dalam Kaedah-Kaedah ini, suatu bangunan komersil yang dibina atau dibeli oleh syarikat berstatus *Tun Razak Exchange Marquee* dalam *Tun Razak Exchange*—

(a) jika syarikat itu adalah pemilik bangunan komersil itu; dan

(b) bangunan komersil itu digunakan oleh syarikat itu bagi maksud perniagaan sebagaimana dinyatakan dalam Jadual,

hendaklah dianggap sebagai bangunan industri bagi maksud Jadual 3 Akta.

Elaun bangunan industri

6. (1) Amaun elaun di bawah perenggan 80 Jadual 3 Akta hendaklah dibenarkan kepada syarikat berstatus *Tun Razak Exchange Marquee* bersamaan dengan satu persepuluh perbelanjaan bangunan yang layak untuk tahun itu dan tahun taksiran sembilan tahun berikutnya.

(2) Jika bahagian bangunan itu digunakan sebagai bangunan industri, dan bahagian lain bangunan tidak digunakan sedemikian, maka, jika perbelanjaan modal yang dilakukan atas pembinaan bahagian yang tidak digunakan sedemikian adalah tidak lebih daripada satu persepuluh perbelanjaan modal yang dilakukan atas pembinaan keseluruhan bangunan itu, bangunan itu hendaklah dianggap sebagai bangunan industri bagi maksud Jadual 3 Akta, dan jika keseluruhan atau jumlah perbelanjaan modal dilakukan ke atas pembinaan bahagian yang tidak digunakan sedemikian tidak boleh dikenalpasti sebagai perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas keseluruhan bangunan, perbelanjaan yang terakhir disebut atau sebahagiannya yang tidak boleh dikenalpasti sebagai dilakukan ke atas bahagian bangunan masing-masing, hendaklah dibahagikan mengikut rujukan kepada kawasan tingkat masing-masing bagi bahagian-bahagian tersebut atau mengikut cara lain sebagaimana yang boleh diarahkan oleh Ketua Pengarah.